



En. Firdaus Petrus Abdullah Bersama AJK Kelab Sekretariat Rukun Negara UMS

Foto Oleh Dg. Norfahezah Ag. Mahmum

Kempen Derma Darah Beri Kesedaran Kepada Pelajar UMS

Oleh Dg. Norfahezah Ag. Mahmum

dgnorfahezah95@yahoo.com



Kempen derma darah yang mendapat sambutan baik daripada para pelajar

Foto Oleh Dg. Norfahezah Ag Mahmum

KOTA KINABALU, 8 MAC – Kempen derma darah anjuran Kelab Sekretariat Rukun Negara UMS dengan kerjasama Pertubuhan Komuniti Penderma Darah Malaysia serta Hospital Likas dilangsungkan bertempat di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah.

Kempen derma darah yang merupakan anjuran kali kedua dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan mendapat sambutan yang agak memberangsangkan daripada pelajar berbanding pertama kali ianya dijalankan di lokasi yang sama.

Menurut AJK Kelab Sekretariat Rukun Negara UMS, Daniel Azwandy Bin Azman, Kempen derma darah ini dijalankan bagi menggalakkan pelajar dan orang awam untuk bergiat aktif dalam menderma darah sekaligus dapat menampung kekurangan jumlah darah yang diperlukan di setiap hospital-hospital di negara ini selain memberi kesedaran kepada orang awam juga pelajar mengenai kepentingan dan manfaat menderma darah.

“Rakyat Malaysia digalak untuk menderma darah bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama.”

Yang Dipertua Komuniti Penderma Darah Malaysia, En. Firdaus Petrus Abdullah berkata semasa di temubual pada Hari Kempen Derma Darah di Universiti Malaysia Sabah pada hari ini.

“Kalau mengikut Islam sememangnya kita harus menderma ianya bertujuan bagi memberi kebaikan kepada orang lain yang memerlukan. Dengan menderma darah tahap kesihatan tubuh badan seseorang akan kekal optimum kerana keadaan darah dalam badan yang sering berubah,” ujar beliau.

Menurut Firdaus, kempen derma darah yang sering dianjurkan oleh pertubuhan ini bertujuan

bagi meningkatkan jumlah penderma darah di Malaysia yang mana sebanyak 70 peratus rakyat di negara ini belum mendaftar untuk menderma darah, hanya 30 peratus sahaja yang berdaftar sebagai penderma darah.

“Ianya amat penting bagi kempen ini berlangsung secara terus untuk memastikan bilangan penderma yang berjumlah sebanyak 30 peratus semakin meningkat pada masa akan datang,” katanya.

Beliau juga turut menjelaskan bahawa dengan menderma darah seseorang akan mempunyai sistem imunisasi tubuh badan yang sihat yang mana akan mencegah penyakit serta melambatkan proses penuaan serta murah rezeki bukan sahaja di dunia tetapi juga diakhirat kelak.

“Pendekatan bagi memastikan kempen kesedaran ini sentiasa berjalan, pertubuhan Komuniti Penderma Darah Malaysia menyeru agar pihak badan bukan kerajaan yang lain juga turut tampil untuk bekerjasama bagi memenuhi tabung darah yang memerlukan di negara ini.”

Seseorang yang ingin menderma darah haruslah berumur 18 hingga 60 tahun dengan berat sekurang-kurangnya 45 kilogram dan mempunyai tekanan darah di atas 70 di bawah 150. Penderma darah digalakkan untuk mengambil makanan yang boleh menambah darah.

Seorang penderma darah Mohd Akmal Hafiz Bin Marzuki, 21, pelajar program Sains Marin telah menderma darah buat kali yang keempat pada kali ini. Semangat menderma darah beliau ini didorong oleh adik beliau sendiri yang menghidap penyakit Talasemia.

Saya menderma darah sebagai sokongan buat adik saya sendiri yang menghidap penyakit dan memerlukan penukaran darah, dengan melakukan hal ini sedikit sebanyak saya juga turut membantu orang lain yang telah membantu adik saya,” katanya.

Beliau yang mula menderma darah semenjak berada di Matrikulasi lagi mengakui agak skeptikal mengenai derma darah pada mulanya.

“Perasaan takut memang ada masa mula menderma disebabkan jarum yang besar dan mendengar dari orang lain yang darah diperlukan sekurang-kurangnya tiga beg, itu mendatangkan rasa takut pada mulanya,” Kata Akmal.



Jururawat yang bertugas semasa hari kempen derma darah

Foto Oleh Dg. Norfahezah Ag. Mahmum